



Lembaga Ahli Geologi Malaysia

**MAKLUMAT RINGKAS SAMBUTAN
HARI AHLI GEOLOGI PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2026**

Pengenalan Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG)

1. Lembaga Ahli Geologi (BoG) ditubuhkan pada November tahun 2014, menurut peruntukan Seksyen 3, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Fungsi utama Lembaga Ahli Geologi (BoG) adalah untuk menguruskan pendaftaran ahli geologi, kawalselia amalan geologi dan perkara- perkara yang berhubungan dengannya.

2. Selain daripada itu, Lembaga juga menjalankan fungsi-fungsi:
 - menentukan skala fi perkhidmatan geologi;
 - mewakili profesion geologi dalam apa-apa perkara yang perlu untuk berbuat demikian;
 - memeriksa dan membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada Kerajaan;
 - menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan survei geologi;
 - menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion geologi;
 - melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksa yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
 - membuat syor berhubung dengan apa-apa peperiksaan supaya layak diterima masuk ke dalam profesion geologi;
 - mengadakan program pembangunan profesional; dan
 - memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan pendidikan yang berkaitan dengan geologi

3. Semenjak penubuhannya, BoG diletakkan di bawah tadbir urus Menteri yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber asli, iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan kini Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Pendaftaran Ahli Geologi

4. Sehingga kini, seramai 3,492 orang yang berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi. Mereka terdiri daripada Ahli Geologi Siswazah (1,177 orang), Ahli Geologi Profesional (1,796 orang), Pengamal Berdaftar (11 orang) dan Ahli Geologi Asing (508 orang). Dalam pada itu, ahli geologi yang aktif secara tahunan adalah sekitar 1,500 orang.
5. Lembaga percaya bahawa bilangan ahli geologi berdaftar akan terus meningkat, selaras dengan peningkatan permintaan perkhidmatan geologi profesional dan perkembangan industri geosains negara.

Peranan Ahli Geologi Dalam Pembangunan Negara

6. Pada tahun 1830, Charles Lyell (seorang ahli geologi Scotland) telah menerbitkan buku "Principle of Geology" yang mengandungi kenyataan James Hutton (juga seorang ahli geologi Scotland) "*present is the key to the past*". Buku beliau mempunyai matlamat untuk memberi inspirasi kepada naturalis dan saintis yang mungkin tertarik dengan geologi dalam usaha untuk memahami dan mempelajari tentang sains geologi.

7. Semenjak daripada itu, subjek geologi telah dipelajari diseluruh dunia. Hanya mereka yang telah mempelajari dan mengamalkan geologi yang memahami makna sebenar "*present is the key to the past*".
8. Manusia hari ini, mengharapkan ilmu geologi dan ahli geologi membantu mereka untuk terus hidup, makmur dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik untuk jangka masa yang panjang. Dalam dunia moden hari ini, persepsi sedemikian dikenali sebagai pembangunan mampan (*sustainable development*).
9. Pada masa ini, peranan ahli geologi tidak lagi terhad kepada mencari, membangun dan pengeluaran sumber geologi tetapi mereka juga mesti terlibat dalam reka bentuk dan perancangan pada peringkat terawal mana-mana projek pembangunan sumber geologi.
10. Selain daripada penerokaan dan pengeluaran sumber mineral, minyak & gas; ahli geologi juga memainkan peranan penting dalam pembinaan infrastruktur, pembangunan bekalan air, pengurangan risiko bencana geologi, kejuruteraan alam sekitar, adaptasi perubahan iklim, geo-pemuliharaan, geo-pelancungan, pendidikan dan komunikasi.
11. Profesion geologi adalah asas dalam pembangunan negara. Mereka adalah pakar di belakang tabir dalam pelbagai kegiatan pembangunan, khususnya industri perlombongan, penerokaan sumber tenaga, pembinaan infrastruktur berat (seperti terowong, lebuh raya, bangunan tinggi) dan kawalan kemusnahan akibat bencana alam.
12. Ahli geologi Malaysia terus berusaha meningkatkan pemahaman di luar komuniti geologi tentang cara ahli geologi boleh memainkan peranan bagi pertumbuhan mampan (*sustainable growth*), pembangunan bandar dan infrastruktur yang berdaya tahan,

pembangunan sumber tenaga, keselamatan makanan dan air, serta pengurusan alam sekitar yang berkesan.

Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2026

13. Hari Ahli Geologi Sedunia disambut pada Ahad pertama bulan April setiap tahun, Pada tahun 2026 jatuh pada tarikh 5 April 2026. Di Malaysia, sambutan ini diterajui oleh agensi kerajaan dan badan profesional untuk menghargai sumbangan ahli geologi dalam pembangunan negara yang selamat dan lestari. Memasuki tahun 2026, fokus Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) tetap teguh kepada tiga tonggak utama: pemeliharaan biodiversiti, pengurusan sumber asli secara mampan, dan mitigasi perubahan iklim. Kita perlu memastikan setiap langkah pembangunan negara selari dengan prinsip *Environmental, Social, and Governance* (ESG).

14. Sedia maklum SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026 ini merupakan majlis perasmian bagi 2 perkara iaitu :
 - a) **Pelantikan Dan Penyerahan Kad Kuasa Inspektor Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG)**

15. Profesion geologi adalah tulang belakang kepada keselamatan awam dan pembangunan infrastruktur. Dengan penyerahan kad kuasa ini, para Inspektor yang dilantik kini menggalas amanah besar untuk memastikan pematuhan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689) yang mana akan bertindak dengan penuh integriti dan profesionalisme bagi memastikan amalan geologi di Malaysia

mencapai standard antarabangsa.

b) Peluncuran Garis Panduan Penyiasatan Dan Penguatkuasaan Inspektor Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) Versi 1/2025.

16. Bagi melengkapkan ekosistem tadbir urus yang mantap, Garis Panduan Penyiasatan Dan Penguatkuasaan Inspektor Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) Versi 1/2025 bertujuan untuk memperkemas prosedur operasi standard (SOP) penyiasatan dilaksanakan . Ia memastikan sebarang ketidakpatuhan dalam amalan geologi dapat ditangani secara telus dan berkesan, sekaligus meminimumkan risiko bencana geologi yang boleh mengancam nyawa dan harta benda.